

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, 25 February, 2018 2:32 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kayuhan Rentas Sempadan Sambil Beramal



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

25 FEBRUARI 2018 / 9 JAMADILAKHIR 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

KAYUHAN RENTAS SEMPADAN SAMBIL BERAMAL



UUM ONLINE: Pengalaman mengayuh basikal ke negara sempadan, Thailand menyimpan 1001 kenangan manis dan yang paling istimewa dapat mendekati budaya hidup masyarakat Islam di Kampung Pasir Panjang, Tanjung Po, Thailand.

Penggemar sukan berbasikal berpeluang menyaksikan keindahan alam merentasi kawasan pantai yang memutih, bukit bukau dan hutan menghijau sebagai bukti kebesaran Allah dalam Kayuhan Amal Malaysia ke Satun, Thailand 2018, baru-baru ini.

Presiden Universiti Utara Malaysia Cycling Club (UUMCC) UUMCC, Dr. Che Mohd Aziz berkata, misi kemanusiaan ini membabitkan jarak kayuhan keseluruhan 150 kilometer bermula di Pintu Sempadan Wang Kelian, Perlis sehingga di Tanjong Pho, Satun Thailand.

“Kayuhan ini memberi peluang kepada peserta yang baru pertama kali merasai aktiviti seperti ini di samping menyampaikan sumbangan kepada masyarakat di sana yang majoritinya beragama Islam.

Beliau menyifatkan peserta sebagai duta kecil Malaysia dalam mengeratkan hubungan antara negara melalui aktiviti riadah yang menjadikan mereka lebih dekat bagi mencapai imej UUM yang prihatin terhadap komuniti.

“Kita membawa nama UUM dan memupuk semangat tolong-menolong melalui aktiviti riadah mengadakan majlis menderma barangan kepada penduduk miskin sebagai sumbangan kepada masyarakat antara negara.

Jelasnya, sumbangan yang diperolehi hasil daripada kutipan rakan-rakan ahli kelab dan penduduk setempat kepada 30 penduduk miskin di Kampung Pasir Panjang.

Katanya, sumbangan berupa beras, barang makanan dan pakaian diharap dapat membantu meringankan beban kewangan dan berkongsi kegembiraan dengan masyarakat di sana.

“Saya menggalakkan dan mengalu-alukan mana-mana staf khususnya warga UUM untuk menjadi ahli serta bersama-sama menjayakan aktiviti yang dijalankan oleh UUMCC,” tambahnya.

Sementara itu, pesara tentera, Mustafa Idris berkata, kayuhan santai menjadi acara yang dinantikan penggemar sukan berbasikal sambil menyaksikan keindahan alam merentasi kawasan pantai yang memutih, hutan menghijau.

Ujarnya, *bicycle touring* memberi peluang kepada peserta menikmati pemandangan dan melawat tempat menarik sepanjang perjalanan yang dilalui.

“Lain rasanya melancong sambil berbasikal berbanding motosikal kerana saya berasa puas menggunakan seluruh tenaga dalam perjalanan yang jauh, memang seronok kayuh beramai-ramai sambil melihat tempat orang yang berbeza adat dan budaya.

“Kayuhan ini bersifat santai bukan untuk berlumba-lumba, peserta bergerak dalam barisan mengikut arahan marshall yang menarik perhatian ramai sekali gus menguji ketahanan mental dan fizikal sepanjang kayuhan,” tambahnya.

Manakala Mohd Badrilah Shaari teruja beramah mesra dengan penduduk dan bertukar pengalaman misalnya memahami budaya dan kehidupan masyarakat Thailand khususnya bangsa Melayu yang tidak jauh beza dengan Malaysia.

Mereka juga tidak berdepan masalah bahasa kerana ada di kalangan ahli yang boleh berbahasa Thailand begitu juga komunikasi peserta dengan penduduk setempat terutamanya golongan tua masih lagi boleh berbahasa Melayu dialek kedah.

“Suasana di kampung ini yang tenang dan pemandangan yang cantik benar-benar membuatkan kami terpegun dengan ciptaan Tuhan,” ujarnya dari Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP) UUM.

Selain itu katanya, kayuhan ini dijadikan aktiviti tahunan UUMCC yang meningkatkan kesihatan di samping mengenali budaya dan kehidupan masyarakat melayu Thailand khususnya di Wilayah Satun.

“Ini adalah kayuhan kali kedua di mana dua tahun lepas kelab telah sampai ke sini dan kini kami terpanggil lagi sekali untuk datang ke kampung yang rata-rata penduduknya peramah dan mudah mesra.

“Setiap kali kami berhenti orang ramai teruja mendekati kami untuk bergambar dan berkongsi cerita walaupun penat kami tetap mesra melayan,” ceritanya

Amirudin Hashim pula menyifatkan program itu memartabatkan sukan berbasikal yang ideal untuk kesihatan supaya mental fizikal menjadi tenang dan rileks.

Jelasnya, kembara ini banyak menggunakan kekuatan kaki dan stamina yang mantap, di sinilah teruji ilmu dan kemahiran yang dipelajari selain kerjasama padu yang membakar semangatnya untuk menyempurnakan misi.

“Risiko berlanggar sesama sendiri, jatuh dan cedera, semua itu boleh dielakkan dengan teknik kayuhan yang betul pastikan sihat tubuh badan, mengekalkan jarak selamat, kayuh dengan tenang dan *enjoy*,” pesannya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.